



PERBADANAN ADAT MELAYU DAN WARISAN NEGERI SELANGOR

JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia yang berkelayakan bagi mengisi kekosongan jawatan seperti berikut:-

JAWATAN	GED	KEKOSONGAN	TARAF JAWATAN
Artis Budaya	B1	5	Kontrak

- i. Permohonan hendaklah menggunakan Borang PADAT (1) yang boleh diperolehi melalui pautan laman web rasmi Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor <https://www.padat.gov.my> dan dialamatkan kepada:

**Ketua Pegawai Eksekutif,
Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor,
D/A Muzium Sultan Alam Shah,
Persiaran Bandaraya,
40000 Shah Alam.**

- ii. Permohonan yang telah dilengkapkan hendaklah disertakan dengan sekeping gambar penuh berukuran 3R berwarna.
- iii. Permohonan daripada mereka yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan mestilah melalui Ketua Jabatan.
- iv. Hanya pemohon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil menghadiri temu duga dan permohonan yang tidak lengkap akan **DITOLAK**.
- v. Permohonan yang tidak menerima jawapan selepas 6 bulan dari tarikh iklan ditutup **ATAU** selepas 6 bulan dari tarikh temu duga (sekiranya dipanggil temu duga) adalah dianggap tidak berjaya.
- vi. Tarikh Tutup Permohonan : **12 Jun 2026 (Jumaat)**

A.	Jawatan	:	Artis Budaya, Gred B1
B.	Kumpulan Perkhidmatan	:	Pelaksana (Skim Perkhidmatan Bersepadu)
C.	Klasifikasi Perkhidmatan	:	Bakat dan Seni
D.	Taraf Jawatan	:	Kontrak

Jadual Gaji

Gaji	:	RM1,500.00 (Min.) – RM4,680.00 (Mak.)
Imbuhan Tetap Khidmat Awam	:	RM115.00
Imbuhan Tetap Perumahan	:	RM300.00
Elaun Sara Hidup	:	Antara RM150.00 – RM350.00
Kadar Kenaikan Gaji Tahunan	:	RM100.00

Syarat Lantikan

Calon bagi lantikan hendaklah mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti serta memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c)
 - (i) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang kebudayaan serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred B1 : RM1,500.00); atau
 - (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred B1 : RM1,500.00); atau
 - (iii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred B1 : RM1,500.00); atau
 - (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred B1 : RM1,561.00); atau

- (v) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred B1 : RM1,622.00).
- (d) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kejujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Keperluan & Syarat Ujian Khas

- 1) Calon lantikan adalah dikehendaki lulus Ujian Khas (Ujibakat) bagi menentukan kesesuaian mutu dan tahap bakat, kebolehan dan daya kreativiti dalam bidang kebudayaan sebelum lantikan seperti yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan.
- 2) Selain itu calon juga perlulah mempunyai ciri-ciri berikut:
 - i) Berperwatakan menarik;
 - ii) Ketinggian tidak kurang dari 160 cm (wanita) dan 170 cm (lelaki).